

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KEMUBU AGRICULTURAL DEVELOPMENT  
AUTHORITY (KADA)

NORAZMAILEY BINTI HASSAN

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FANULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006



LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KEMUBU AGRICULTURAL DEVELOPMENT  
AUTHORITY (KADA)

DISEDIAKAN OLEH  
NORAZMAILEY BINTI HASSAN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN PEMASARAN

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI  
MALAYSIA (KUSTEM)

2006

1100045087

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Norazmailey binti Hassan, UK 9856 mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata – mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Norazmailey binti Hassan

Tarikh: 08 NOVEMBER 2006

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

B/P Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

**Certified True Copy**



Zuha Rosufila Abu Hamin  
Lecturer

Department of Management and Marketing  
Faculty of Management and Economics  
University College of Science and Technology Malaysia

## **DEDIKASI**

Khas buat ibu bapa, adik-adik yang tersayang,  
keluarga serta insan yang disayangi,  
Sesungguhnya harapan kalian tidak akan dilupakan.  
Perjuangan ini akan ku teruskan sehingga  
kejayaan dapat kuraih.....



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur pelatih ke hadrat ilahi kerana berjaya menjalani Latihan Industri di Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) yang cawangannya bertempat di Selising, Pasir Puteh bagi memenuhi kehendak dan syarat yang diperlukan dalam program pemasaran. Pelatih berasa amat gembira kerana dapat memenuhi tanggungjawab dan memenuhi amanah yang telah diberikan kepada pelatih bagi menjalani Latihan Industri ini dengan jaya. Sesungguhnya semua ini adalah dengan keizinan-Nya.

Jutaan terima kasih pelatih kepada Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) kerana sudi membenarkan pelatih menjalankan Latihan Industri di organisasi ini. Terima kasih yang tidak terhingga pelatih ucapkan kepada pihak pentadbiran, terutamanya Encik Othman Mohammad Genda yang banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat ketika pelatih ketika menjalani Latihan Industri. Terima kasih juga kepada kakitangan KADA yang cukup bekerjasama dan banyak membantu pelatih dalam menjalani Latihan Industri di dalam organisasi berkenaan. Terima kasih kerana memberikan pelatih pengalaman yang cukup berharga.

Penghargaan turut ditujukan kepada ursetia Latihan Industri Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE) dan kakitangan yang bertungkus lumus menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan Latihan Industri dan membantu pelatih menyempurnakan Latihan Industri dengan jaya. Terima

kasih kepada penyelia Latihan Industri pelatih, Cik Zuha Rosufila Abu Hasan yang benar - benar membantu pelatih dalam tempoh Latihan Industri ini. Tidak lupa juga kepada ibu bapa serta keluarga, insan yang disayangi, rakan – rakan seperjuangan, pelatih ucapkan jutaan terima kasih atas sokongan mereka ketika menjalani Latihan Industri. Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat.

Sekian terima kasih

## PRAKATA

Sepanjang menjalani Latihan Industri, terdapat banyak objektif yang pelatih perolehi seperti pengalaman kerja yang sebenar. Selain itu, terdapat objektif lain yang pelatih perolehi, termasuklah:

- Memberi pelatih peluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung suatu bidang pekerjaan.
- Berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi terbabit.
- Memberi pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian kepada pelatih.
- Pelatih boleh mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan.
- Pelatih dapat meluaskan pergaulan dan berinteraksi dengan alam professional dalam bidang pengajian pelatih.
- Membantu pelatih memahami nilai etika professional.
- Menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduasi nanti.
- Menilai kebolehan diri para pelatih di alam pekerjaan untuk persediaan menghadapi alam pekerjaan sebenar selepas menamatkan pengajian.
- Membuka peluang kepada pelatih untuk mendapatkan pekerjaan melalui hubungan yang telah terjalin dengan bakal majikan.



- Mewujudkan hubungan kerjasama yang erat antara pelatih, fakulti, agensi kerajaan dan pihak industri. Dalam jangka masa yang sama diharap hubungan baik ini akan berterusan dan dapat membentuk serta mengembangkan satu kurikulum yang sesuai untuk keperluan permintaan tenaga kerja dalam sektor industri.

## SENARAI KANDUNGAN

|                     |     |
|---------------------|-----|
| Dedikasi            | ii  |
| Penghargaan         | iii |
| Prakata             | v   |
| Senarai Gambarajah  | ix  |
| Ringkasan Eksekutif | x   |

### BAB 1

|                                         |    |
|-----------------------------------------|----|
| 1.0 Latar Belakang Organisasi           | 1  |
| 1.1 Pengenalan Organisasi               | 1  |
| 1.2 Maklumat Organisasi                 | 6  |
| 1.3 Carta Organisasi Keseluruhan        | 7  |
| 1.4 Bahagian dan Unit – unit Dalam KADA | 8  |
| 1.5 Aktiviti Organisasi                 | 15 |
| 1.6 Kemahiran yang Dipelajari           | 18 |
| 1.6.1 Kemahiran Komunikasi              | 18 |
| 1.6.2 Kemahiran Pengurusan Perkhidmatan | 19 |
| 1.6.3 Menambahkan Ilmu Pengetahuan      | 19 |

## **BAB 2**

|                                                                             |    |
|-----------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.0 Pengenalpastian Sistem, Masalah, Cadangan<br>Penyelesaian Dan Implikasi | 20 |
| 2.1 Sistem Pemasaran Barang Pengguna                                        | 21 |
| 2.1.1 Masalah Sistem Pemasaran<br>Barang Pengguna                           | 24 |
| 2.1.2 Cadangan Penyelesaian Dan Implikasi                                   | 26 |
| 2.2 Sistem Pengurusan Kredit                                                | 31 |
| 2.2.1 Masalah Pengurusan Kredit                                             | 35 |
| 2.2.2 Cadangan Penyelesaian Dan Implikasi                                   | 38 |
| 2.3 Sistem Permohonan Keahlian                                              | 42 |
| 2.3.1 Masalah Permohonan Keahlian                                           | 45 |
| 2.3.2 Cadangan Penyelesaian Dan Implikasi                                   | 48 |

## **BAB 3**

|             |    |
|-------------|----|
| 3.0 Penutup | 52 |
|-------------|----|

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**

## **SENARAI GAMBARAJAH**

|                |                                                            |
|----------------|------------------------------------------------------------|
| Gambarajah 1.1 | Logo KADA                                                  |
| Gambarajah 1.2 | Peta Lokasi Ibu Pejabat Kada                               |
| Gambarajah 1.3 | Carta Organisasi Keseluruhan                               |
| Gambarajah 1.4 | Carta Organisasi PPK Bukit Jawa                            |
| Gambarajah 2.1 | Carta Alir Sistem Pemasaran Barang Pengguna                |
| Gambarajah 2.2 | Carta Alir Sistem Pemasaran Barang<br>Pengguna Dan Masalah |
| Gambarajah 2.3 | Carta Alir Sistem Pengurusan Kredit                        |
| Gambarajah 2.4 | Carta Alir Sistem Pengurusan Kredit Dan Masalah            |
| Gambarajah 2.5 | Carta Alir Sistem Permohonan Keahlian                      |
| Gambarajah 2.6 | Carta Alir Sistem Permohonan Keahlian Dan Masalah          |

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi setiap pelatih, peluang untuk menjalankan Latihan Industri di sesebuah organisasi sama ada agensi awam atau swasta adalah merupakan sesuatu yang amat berharga. Pelatih berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung dengan aktiviti dan tugas yang telah diberikan. Peluang yang diberikan kepada pelatih dalam menjalani Latihan Industri di organisasi Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) digunakan sepenuhnya untuk mengetahui dan memahami operasi organisasi khususnya dalam bidang perkhidmatan.

Pelatih dapat mengaplikasikan matapelajaran yang telah dipelajari dan menyesuakannya kepada situasi pekerjaan yang sebenar. Banyak input-input berguna yang dapat dipelajari melalui perbincangan dengan pihak pengurusan dan kakitangan jualan serta penglibatan sebenar pelatih dengan tugas dan aktiviti dalam organisasi. Semasa menjalani Latihan Industri di KADA, pelatih dapat mengenalpasti beberapa masalah yang terdapat dalam operasi organisasi tersebut.

Masalah ini dapat dikenalpasti atas pemerhatian yang terperinci dalam jangkamasa yang lama. Antara masalah-masalah yang dapat dikenalpasti dalam Jabatan Pemasaran adalah masalah dalam melakukan jualan produk pengguna. Masalah kedua yang dapat dikenalpasti adalah sistem Pengurusan Kredit dan masalah ketiga pula adalah sistem Permohonan Keahlian.

Menyedari permasalahan tersebut, pelatih sedia memberikan pandangan dan cadangan agar pihak syarikat mengaplikasikannya dan semoga cadangan yang diberikan dapat memajukan lagi syarikat tersebut. Latihan Industri amat diperlukan bagi meningkatkan kemahiran dan pengalaman bagi menjadikan seseorang mahasiswa lebih berdaya saing dan kompetitif disamping dapat memberikan pandangan berguna kepada sesebuah syarikat.